

# UMS anjur pembudayaan keusahawanan

UM 19.11.2014 20

**KOTA KINABALU 18 Nov.** - Aktiviti keusahawanan merupakan antara penyumbang ekonomi dalam membangunkan komuniti sesebuah negara.

Menyedari hal sedemikian, Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) menganjurkan Ekspo APK Ke-11 bermula hari ini.

Menurut kenyataan UMS, program di Padang Kawad UMS diadakan serentak dengan Pesta Tamu Gadang dan bermula pada pukul 8 pagi hingga 9 malam sehingga 24 November ini.

Dengan tema Imagine, Believe, Achieve, sebanyak 114 buah gerai dibuka pada program yang diadakan sebanyak tujuh sesi itu.

“Ekspo tersebut diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa terhadap alam perniagaan dan keusahawanan selain sebagai satu usaha melentur keterampilan seorang usahawan yang berjaya kelak.

“Sehubungan itu, warga UMS dan orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan Ekspo APK,” jelas kenyataan itu di sini hari ini.